

KEPERLUAN PELAKSANAAN KEBENARAN MERANCANG BAGI AKTIVITI
PERLOMBONGAN DI NEGERI PERAK

ABDUL RAHIM SYAH BIN KHALIB

Projek Sarjana Sains Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat

Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains

(Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah

Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

ABSTRAK

Negeri Perak adalah sebuah negeri yang kaya dengan sumber mineral yang boleh diterokai untuk memberi sumbangan ekonomi kepada Kerajaan Negeri Perak melalui aktiviti perlombongan. Suatu ketika dahulu, kegiatan perlombongan ini merupakan antara kegiatan utama untuk menjana ekonomi negeri. Perlombongan ini terdapat dalam bentuk semulajadi ataupun terhasil dari kegiatan carigali lalu membentuk lombong buatan manusia. Kesan daripada aktiviti perlombongan yang tidak terkawal ini juga akan menimbulkan permasalahan seperti kejadian banjir dan pencemaran alam sekiranya tiada pemantauan yang rapi daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal aktiviti perlombongan dan kajian ini akan menekankan kepada keperluan pelaksanaan Kebenaran Merancang (KM) sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen 2(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Dengan adanya Kebenaran Merancang perlombongan ini, ianya akan dapat memastikan supaya mana-mana pembangunan khususnya bagi aktiviti perlombongan akan dapat dikawal oleh pihak yang berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana, aspek-aspek yang akan dititikberatkan di dalam proses KM perlombongan ini akan mengambil kira tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti perlombongan dijalankan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kriteria-kriteria perancangan semasa yang digunakan oleh pihak JMG dan PTG dalam mempertimbangkan dan meluluskan permohonan aktiviti perlombongan di negeri Perak, mengenalpasti faktor-faktor mengapa prosedur Kebenaran Merancang bagi aktiviti perlombongan sepertimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 2 (1) Akta 172 tidak dikuatkuasakan sepenuhnya di negeri Perak serta mengkaji implikasi pelaksanaan KM Perlombongan. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kaedah pengumpulan data bagi menjalankan kajian ini diperolehi dari data primer dan data sekunder yang diperolehi daripada edaran borang soal selidik kepada agensi teknikal dan temubual khas berkaitan dengan pengubal dasar perancangan di peringkat negeri. Berdasarkan kepada hasil pengkajian, cadangan dibuat bagi tujuan penambahbaikan bagi tatacara proses dan prosedur semasa untuk memastikan elemen pemberian Kebenaran Merancang bagi aktiviti perlombongan dapat mematuhi aspek kawalan perancangan yang telah ditetapkan sepertimana peruntukkan Akta 172 demi memastikan aktiviti perlombongan yang mampan dapat dilaksanakan.

ABSTRACT

Perak is a one of the state which rich in mineral resources that could be explore to provide economic contribution to the Perak State Government especially through mining activities. In the past, mining is among the main activities to generate economy to the state. Mining is found in natural form or resulting from exploration activities, creating a man-made mine. The effects of uncontrolled mining activities will cause problems such as flooding and pollution in the absence of close monitoring of the Local Authority. In helping local authorities to regulate mining activities, this research will focus on the needs of the implementation of Planning Permission as provided in Section 2 (1), Town and Country Planning Act 1976 (Act 172). With the advent of mining planning permission, it will be able to ensure that any particular development of mining activities will be controlled by the authorities such as the Local Authority (LA). This is because, the aspects that will be addressed in this mining planning permission process will cover three stages in planning process which is before, during and after mining activities carried out. Therefore, this study was undertaken to examine the current planning criteria used by the Department of Mineral and Geosciences and State Land Office in considering and approving applications for mining activities in the state, identify the factors why planning permission procedures for mining activities as described in Section 2 (1) Act 172 was not fully enforced in the state and examine the implications of planning permission for Mining. To achieve these three objectives, data collection methods for this study was obtained from the primary data and secondary data and also from the distribution of questionnaires and interviews with special technical agencies relating to planning policy makers at the state level. Based on the study results, recommendations are made for improvement of processes and procedures during the procedure to ensure that elements of planning permission for mining activities to comply with aspects of planning control has been set as the provisions of Act 172 to ensure sustainable mining activities can be implemented.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN KATA	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	2
	1.2.1 Persoalan Kajian	4
	1.3 Matlamat Dan Objektif Kajian	5
	1.3.1 Matlamat	5
	1.3.2 Objektif	5
	1.4 Skop Kajian	6
	1.5 Metodologi Kajian	8
	1.5.1 Peringkat Pertama : Persoalan dan objektif kajian	8
	1.5.2 Peringkat Kedua : Kaedah Kajian	8
	1.5.3 Peringkat Ketiga : Penemuan kajian, Cadangan dan Kesimpulan	11
	1.6 Sumbangan dan Kepentingan Kajian	11
	1.7 Susunatur Bab	12

2	PERKEMBANGAN AKTIVITI PERLOMBONGAN	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi	14
	2.2.1 Tanah Lombong	14
	2.2.2 Perlombongan	15
	2.2.3 Bahan Mineral	16
2.3	Perundangan dan Akta Berkaitan Perlombongan	19
	2.3.1 Kanun Tanah Negara 1965	19
	2.3.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)	20
	2.3.3 Akta Pembangunan Mineral 1994	22
	2.3.4 Enakmen Mineral Negeri Perak 2003 (EMNP 2003)	23
2.4	Amalan Perlombongan di Negeri Perak	25
	2.4.1 Prosedur Semasa Kelulusan Perlombongan	26
	2.4.2 Peranan Agensi Teknikal yang Berkaitan Dalam Proses Kelulusan Perlombongan	27
2.5	Amalan Perlombongan Di Luar Negara	30
	2.5.1 Amalan Semasa Kelulusan Perlombongan di United Kingdom	32
	2.5.1.1 Polisi Perancangan Mineral Negara	32
	2.5.1.2 Pihak Berkuasa Sumber Mineral	33
	2.5.2 Amalan Semasa Kelulusan Perlombongan di Australia	35
2.6	Kesimpulan	42
3	KAWASAN KAJIAN : KAWASAN PERLOMBONGAN DI NEGERI PERAK DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI DAERAH KINTA	
3.1	Pengenalan	43
3.2	Perkembangan Industri Perlombongan di Negeri Perak	44

3.3	Latarbelakang Kawasan Kajian	47
3.3.1	Aktiviti Perlombongan Di Negeri Perak	47
3.3.2	Amalan Kelulusan Perancangan Pihak Berkuasa Tempatan (Daerah Kinta)	55
3.3.2.1	Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)	58
3.3.2.2	Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG)	62
3.4	Kesimpulan	64
4	ANALISIS KEPERLUAN PELAKSANAAN KEBENARAN MERANCANG BAGI AKTIVITI PERLOMBONGAN DI NEGERI PERAK	
4.1	Pengenalan	66
4.2	Pelaksanaan Kajian	67
4.2.1	Kaedah Pengumpulan Data	67
4.2.2	Pemilihan Sampel	68
4.2.2.1	Kaedah Borang Soal Selidik	68
4.2.2.2	Kaedah Temubual	70
4.2.3	Bilangan Sampel	71
4.3	Kaedah Analisis	72
4.4	Analisis Data dan Penemuan	73
4.4.1	Maklumat Responden : Bahagian A	73
4.4.1.1	Struktur Umur dan Kumpulan Perkhidmatan Responden	73
4.4.2	Pemahaman dan Penglibatan Responden Dalam Kelulusan Perlombongan : Bahagian B	74
4.4.2.1	Tempoh Masa Penglibatan Responden Dalam Aktiviti Perlombongan	75
4.4.2.2	Asas Perundangan Dalam Mempertimbangkan Permohonan Perlombongan	76
4.4.2.3	Kefahaman Berkaitan Seksyen 2(1) Akta 172	79
4.4.3	Amalan Semasa Kelulusan Pembangunan:	81

	Bahagian C	
	4.4.3.1	Kriteria Pertimbangan Kelulusan Permohonan Perlombongan 81
	4.4.3.2	Isu dan Masalah Yang Dihadapi Dalam Permohonan Perlombongan 85
	4.4.4	Pandangan dan Cadangan: Bahagian D 88
	4.4.4.1	Analisis Tahap Persetujuan Pelaksanaan KM Perlombongan 88
	4.4.4.2	Analisis Kesan Pelaksanaan KM Perlombongan Terhadap Proses Kelulusan Semasa 91
	4.4.4.3	Syor dan Cadangan Penambahbaikan Dalam Memastikan Pelaksanaan KM Perlombongan 93
	4.4.4.4	Syor dan Cadangan Penambahbaikan Dari Pandangan Agensi Teknikal 93
	4.4.5	Analisis Temubual Khas Bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak Selaku Penggubal Dasar Perancangan di Peringkat Negeri 95
	4.4.5.1	Permohonan Untuk Memiliki Tanah Kerajaan Bagi Tapak Perusahaan Kuari Di Dalam Mukim Sungai Raia Daerah Kinta 96
	4.4.5.2	Permohonan Melanjutkan Tempoh Pajakan Perusahaan Kuari 99
	4.5	Kesimpulan 103
5	CADANGAN DAN RUMUSAN	
	5.1	Pengenalan 103
	5.2	Penemuan Kajian 103
	5.2.1	Pencapaian Objektif 1 104
	5.2.2	Pencapaian Objektif 2 105

5.2.3	Pencapaian Objektif 3	106
5.3	Cadangan Penambahbaikan Proses Perlombongan	107
5.3.1	Keperluan Penyediaan <i>Standard Operation Procedures (SOP)</i> KM Perlombongan	107
5.3.2	Cadangan Penyediaan <i>SOP</i> KM Perlombongan	108
5.3.3	Proses Pengubahan Rancangan Tempatan	110
5.3.4	Penubuhan Jawatankuasa Pendengaran dan Bantahan Awam	112
5.3.5	Kaedah Mengemukakan Permohonan KM Perlombongan	113
5.3.6	Tempoh Kebenaran Merancang Perlombongan	115
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	115
5.5	Limitasi Kajian	117
5.5.1	Lokasi Kajian Kes	117
5.5.2	Skop Kajian	117
5.5.3	Maklumbalas Responden	118
5.6	Penutup	118
	Bibliografi	122
	Lampiran	125

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Jenis dan Kategori Tanah bagi Kelulusan Agensi Teknikal	36
2.2	Contoh Simbol Yang Digunakan oleh PBT WAPC	38
2.3	Senarai semak aspek pertimbangan kawasan perlombongan	39
2.4	Senarai semak aspek pertimbangan kawasan perlombongan	41
3.1	Pengeluaran Timah Mengikut Negeri Tahun 2011	53
3.2	Bilangan Lombong Bijih Timah di Malaysia Mengikut Cara Perlombongan	54
3.3	Bilangan Lombong Kaolin, Pengeluaran dan Jumlah Pekerja Mengikut Negeri di Malaysia 2011.	54
4.1	Justifikasi Penyediaan Borang Soal Selidik	68
4.2	Justifikasi Penyediaan Borang Temubual Khas	70
4.3	Pecahan Sampel Responden Mengikut Agensi	71
4.4	Stuktur Umur Reponden	74
4.5	Tempoh Masa Perkhidmatan Responden Dalam Kelulusan Permohonan	76
4.6	Asas Rujukan Perundangan Oleh Responden Berdasarkan Keutamaan	77
4.7	Analisis Bagi Penentuan Keutamaan Perundangan Yang Digunakan	77

4.8	Tahap Kefahaman Responden Berkaitan Akta 172	80
4.9	Kriteria Pemilihan Dalam Pertimbangan Kelulusan	82
4.10	Analisis Bagi Penentuan Keutamaan Kriteria Kelulusan	84
4.11	Isu dan Masalah Yang Dihadapi Dalam Memproses Kelulusan Permohonan Melombong	85
4.12	Analisis Bagi Penentuan Isu dan Masalah	87
4.13	Analisis <i>Cross Tabulation</i> Bagi Penentuan Keutamaan Kriteria Pelaksanaan KM Perlombongan	88
4.14	Analisis Tahap Persetujuan Pelaksanaan KM Perlombongan Berdasarkan Skala Likert	89
4.15	Analisa Kesan Pelaksanaan KM Perlombongan	91
5.1	Cadangan <i>SOP</i> Bagi Pengubahan RT KM Perlombongan	113
5.2	Cadangan <i>SOP PSP</i> Bagi KM Perlombongan	114

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Keperluan KM Perlombongan Berdasarkan Akta 172	4
1.2	Carta Alir Metodologi Kajian	10
2.1	Keadaan Tanah Lombong	15
2.2	Kapal korek sebagai salah satu kaedah perlombongan di Daerah Kinta	16
2.3	Kuari Batu Granit	18
2.4	Longgokan Bijih Timah	18
2.5	Carta Alir Permohonan Perlombongan	27
2.6	Carta Aliran bagi Permohonan Lesen Mencarigali	29
2.7	Carta Alir Proses KM di Unit Pusat Setempat (OSC)	31
2.8	Proses Kebenaran Merancang bagi Aktiti Perlombongan di UK	34
2.9	Carta Alir Proses Perlombongan di Australia Barat	36
3.1	Peta Negeri Perak dan Kawasan Kajian	48
3.2	Peta Lokasi Lombong Bijih Timah dan Bijih Besi Negeri Perak 2012	50
3.3	Peta Lokasi Kilang Pembebasan Amang Negeri Perak 2012	51
3.4	Lokasi Lombong Mika dan Kaolin Negeri Perak 2011	52

3.5	Kaedah Lombong Dedah yang digunakan di Daerah Kinta	52
3.6	Carta Aliran Proses Kelulusan Cadangan Pemajuan	57
3.7	Peta Kawasan Majlis Bandaraya Ipoh	59
3.8	Carta Organisasi Unit OSC Majlis Bandaraya Ipoh	61
3.9	Peta kawasan Majlis Daerah Batu Gajah	63
3.10	Carta Organisasi Unit OSC Majlis Daerah Batu Gajah	64
4.1	Lokasi Permohonan Tanah Kerajaan	98
4.2	Lokasi Kawasan Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan Kuari	100
5.1	Cadangan Carta KM Perlombongan Negeri Perak	111

SINGKATAN KATA

EMNP	-	Enakmen Mineral Negeri Perak
EIA	-	Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar
JAS	-	Jabatan Alam Sekitar
JPBD	-	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JMG	-	Jabatan Mineral dan Geosains
JSMNP	-	Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Perak
KM	-	Kebenaran Merancang
KTN	-	Kanun Tanah Negara
MBI	-	Majlis Bandaraya Ipoh
MDBG	-	Majlis Daerah Batu Gajah
OSC	-	Unit <i>One Stop Centre</i>
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PTG	-	Pejabat Tanah dan Galian
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
RT	-	Rancangan Tempatan
SKM	-	Sijil Kebenaran Melombong
SKP	-	Sijil Kebenaran Pengkuarian
SOP	-	<i>Standard Operation Procedures</i>
TCPA	-	<i>Town And Country Planning Act</i>
UK	-	United Kingdom
UNDP	-	<i>United Nation Development Project</i>
WAPC	-	<i>Western Australia Planning Committe</i>
Y.A.B	-	Yang Amat Berhormat

SENARAI LAMPIRAN

NO LAMPIRAN	TAJUK	M/S
1	Borang Soal Selidik (JMG/PTG/PDT/PBT)	125
2	Borang Temubual Khas JPBD Perak (Penggubal Dasar)	131

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Aktiviti perlombongan merupakan salah satu aktiviti yang telah dikenalpasti sebagai salah satu sektor yang dapat meningkatkan ekonomi kepada Kerajaan Negeri Perak. Menurut kenyataan Y.A,B Menteri Besar Perak dalam sidang akhbar nya menyatakan negeri Perak pada masa kini telah menemui beberapa kawasan yang telah dikenalpasti menjadi lubang emas (*Sinar Harian* , 1 November 2012). Sejak kebelakangan ini juga dilihat aktiviti ini sudah mula aktif memandangkan Negeri Perak ini merupakan Negeri yang kaya dengan sumber mineral dan perlu di terokai untuk kepentingan peningkatan hasil ekonomi dan seterusnya meningkatkan sumber pendapatan negeri Perak. Melalui peningkatan pendapatan tersebut, kerajaan negeri akan mampu untuk menyediakan kemudahan dan keperluan penduduk negeri Perak pada peringkat yang lebih tinggi lagi dan seterusnya akan memastikan kualiti hidup rakyat negeri Perak akan terus meningkat.

Jika dilihat dari segi kepentingan penerokaan sumber mineral yang telah dikenalpasti berpotensi untuk diusahakan, aspek kawalan terhadap operasi sesebuah kawasan perlombongan perlu diambil berat. Berdasarkan kepada amalan semasa yang dilaksanakan di Malaysia khususnya di negeri Perak, penglibatan beberapa agensi teknikal adalah amat penting bagi memastikan segala perundangan yang berkaitan dengan pembangunan tanah dapat dipatuhi. Peranan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dilihat amat penting bagi menentukan kawasan-kawasan

perlombongan dapat diusahakan. Sebelum peringkat pemberian kelulusan oleh PBN, peranan pihak pentadbir tanah iaitu Pejabat Tanah dan Galian (PTG) adalah penting untuk penerimaan permohonan dan seterusnya mendapatkan ulasan dan pandangan berkaitan aspek teknikal daripada pelbagai agensi teknikal yang terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Peringkat seterusnya, Jabatan Mineral dan Geologi (JMG) akan menentukan sama ada kelulusan bagi Sijil Kebenaran Pengkuarian (SKP) dan Sijil Kebenaran Melombong (SKM) hanya akan diberikan setelah permohonan tersebut mendapat perakuan melalui Jawatankuasa Sumber Mineral dan Jawatankuasa Pengkuarian Negeri Perak.

Berdasarkan kepada amalan semasa tersebut juga, jelas menidakkan keperluan sepertimana yang diperuntukan di dalam seksyen 2(1) Akta 172 yang mentafsirkan aktiviti perlombongan ditakrifkan sebagai salah satu pemajuan yang memerlukan Kebenaran Merancang (KM) daripada PBT. Ini kerana aktiviti pembangunan perlombongan ini perlu dilihat dalam konteks yang lebih meluas dimana dengan adanya Kebenaran Merancang yang diberikan, perkara-perkara seperti pelan susunatur pertapakan, pembangunan persekitaran, keperluan jalan keluar masuk serta pelan kawalan seperti keperluan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) akan diperincikan di peringkat awal sebelum kelulusan sesuatu pembangunan diberikan. Ini juga selaras dengan Dasar Mineral Negara 2 (Teras 3 – Penerajuan Alam Sekitar) yang bertujuan untuk memastikan bahawa pembangunan sumber mineral dilaksanakan secara mampan dengan mematuhi dasar-dasar kerajaan pusat dan negeri serta mematuhi piawaian dan garis panduan yang berkaitan.

1.2 Penyataan Masalah


Aktiviti perlombongan yang dijalankan khususnya di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak dikawal sepenuhnya oleh pihak yang berwajib. Ini sedikit sebanyak akan menimbulkan kesan sekiranya berlaku

sebarang masalah yang melibatkan aktiviti di kawasan perlombongan seperti kejadian banjir dan pencemaran alam (*The Malaysian Times* , 5 Disember 2012).

Jika dilihat dari segi kesan pelaksanaan Kebenaran Merancang (KM) ini, kawasan pembangunan khususnya bagi aktiviti perlombongan akan dapat dikawal oleh pihak yang berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana, aspek-aspek utama di dalam proses KM ini akan mengambil kira tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti perlombongan dijalankan. Antara perkara-perkara yang boleh dikawal oleh PBT sekiranya KM Perlombongan ini dilaksanakan ialah (*Rujuk rajah 1.1*):

- i. Kawalan **sebelum** aktiviti perlombongan dijalankan, penentuan dari aspek perancangan guna tanah dengan memastikan ianya selaras dengan zon gunatanah Rancangan Tempatan Daerah di satu-satu kawasan. Ianya amat penting untuk memastikan supaya kawasan yang dipilih tersebut tidak akan memberi kesan terhadap kemusnahan flora dan fauna semasa proses mencari dan menyediakan tapak perlombongan .
- ii. Kawalan **semasa** aktiviti perlombongan dijalankan ialah dengan memastikan pencemaran bunyi yang terhasil daripada aktiviti perlombongan seperti letupan, jentera, pencemaran udara disebabkan oleh habuk dan jentera dapat dipantau oleh pihak berkuasa tempatan dan juga agensi teknikal yang berwajib. Pemantauan secara berkala yang dilakukan adalah penting supaya syarat-syarat yang terdapat di dalam KM yang diberikan telah dipatuhi dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh PBT dan juga agensi teknikal yang berwajib sekiranya syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi oleh pengusaha lombong.
- iii. Kawalan **selepas** aktiviti perlombongan dijalankan adalah dengan memastikan supaya tinggalan kawasan perlombongan yang tidak tertutup tidak menghasilkan pemandangan yang buruk dan menjejaskan pemandangan alam sekitar. Dengan adanya KM perlombongan, perkara-perkara tindakan serta pelan kawalan oleh pengusaha perlombongan tersebut adalah penting sebelum kelulusan diberikan.

Aspek kawalan yang diambil kira dalam proses KM perlombongan ini adalah selaras dengan peruntukan sepertimana yang terkandung di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), subseksyen 2(1).



Sumber: Olahan Pengkaji, 2012

Rajah 1.1: Keperluan KM Perlombongan Berdasarkan Akta 172

1.2.1 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah diatas, terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu diambil kira sebelum kajian ini dijalankan iaitu ;

- Mengapa Kelulusan semasa proses kawasan perlombongan tidak mengambil kira keperluan perundangan lain dan penetapan zon gunatanah perancangan di dalam laporan Rancangan Tempatan Daerah yang berkaitan?

- ii. Apakah Punca kegagalan pelaksanaan semasa kelulusan perlombongan tidak melaksanakan KM sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 2(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)?
- iii. Adakah dengan adanya pelaksanaan KM bagi aktiviti perlombongan akan dapat memastikan aktiviti perlombongan yang mampan?

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

1.3.1 Matlamat

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan pelaksanaan Kebenaran Merancang bagi aktiviti perlombongan untuk memastikan aktiviti perlombongan dapat dijalankan secara terkawal dan mampan.

1.3.2 Objektif

Beberapa objektif kajian digariskan bagi mencapai matlamat kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji kriteria-kriteria perancangan semasa yang digunakan oleh pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG), Pejabat Tanah dan Daerah (PDT), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mempertimbangkan dan meluluskan permohonan aktiviti perlombongan di negeri Perak.
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor mengapa prosedur KM bagi aktiviti perlombongan sepertimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 2 (1) Akta 172 tidak dilaksanakan di negeri Perak.

- iii. Mengkaji implikasi pelaksanaan KM Perlombongan dan membuat cadangan untuk penambahbaikan bagi tatacara proses dan prosedur semasa untuk memastikan aspek kawalan perancangan dan aktiviti perlombongan yang mampan.

1.4 Skop Kajian

Setiap pembangunan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 2(1), Akta 172 memerlukan Kebenaran Merancang (KM). Aktiviti perlombongan juga termasuk di dalam kategori pembangunan yang memerlukan KM. Aktiviti perlombongan ini juga tertakluk kepada perundangan yang lain seperti Kanun Tanah Negara 1965. Selain itu, peruntukan perundangan berkaitan pembangunan mineral di Malaysia ini juga terbahagi kepada dua kuasa pentadbiran iaitu Kerajaan Persekutuan (Akta Pembangunan Mineral 1994) dan Kerajaan Negeri (Enakmen Mineral Negeri Perak – EMNP 2003). Dalam kajian ini, kesemua peruntukan Akta yang berkaitan akan dikaji dengan lebih terperinci khususnya peruntukan yang berkaitan dengan keperluan untuk mengadakan KM bagi aktiviti perlombongan ini.

Selain itu, dalam kajian ini akan melihat dari segi aspek tatacara prosedur proses kelulusan dan amalan semasa bagi aktiviti perlombongan di negeri Perak. Oleh yang demikian, proses dan prosedur yang diamalkan oleh Pejabat Tanah dan Galian negeri Perak (PTG), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) selaku agensi utama yang menerima dan memproses permohonan perlombongan akan turut dikaji dengan lebih mendalam. Bagi mendapat gambaran sebenar corak aktiviti perlombongan di negeri Perak, jumlah dan jenis aktiviti perlombongan secara keseluruhan bagi negeri Perak akan dianalisis untuk tempoh permohonan sepanjang 2011.

Bagi mendapatkan pandangan berkaitan amalan pelaksanaan Kebenaran Merancang yang diamalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pembatasan kawasan kajian akan ditumpukan di daerah Kinta sahaja yang melibatkan dua PBT

iaitu Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) . Bagi mendapatkan pandangan penggubal dasar berkaitan perancangan peringkat negeri, pandangan daripada pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa negeri Perak (JPBD) akan turut dirujuk.

Dalam proses kelulusan semasa bagi aktiviti perlombongan, ianya mengambil masa yang lama untuk kelulusan. Setelah kelulusan diberikan, sebarang aktiviti perlombongan yang dijalankan juga akan mengambil tempoh kelulusan yang panjang bermula dari peringkat mencarigali sehingga selesai sumber mineral tersebut dikeluarkan dari perut bumi. Proses ini kadangkala mengambil tempoh 10-20 tahun bergantung kepada kandungan sumber mineral dan kelulusan pembaharuan tempoh pajakan. Justeru, dalam kajian ini akan memberi pengkhususan pada peringkat sebelum kelulusan diberikan. Ini kerana ianya merupakan peringkat paling awal dan asas yang akan mempengaruhi kelulusan yang akan diberikan. Selain itu, aspek terhadap pematuhan kawalan gunatanah (pematuhan zon gunatanah) akan turut dijadikan penilaian di dalam kajian ini.

1.5 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini meliputi proses kajian yang melalui beberapa peringkat kajian. (*Rujuk rajah 1.2*). Metodologi kajian ini dilaksanakan ke arah pencapaian matlamat dan objektif kajian melalui beberapa peringkat dalam kajian yang dilaksanakan. Secara umumnya, peringkat-peringkat yang akan dilalui adalah seperti berikut :-

1.5.1 Peringkat Pertama – Persoalan dan objektif kajian

Proses kajian ini bermula dengan penemuan masalah dengan mengaplikasi teknik kajian penerokaan (*exploratory research*) melalui gabungan data sekunder dan

data primer yang diperoleh dari kajian lapangan melalui pengalaman kerja semasa (*experience survey*).

Peringkat ini akan menumpukan kepada penentuan isu kajian yang diperolehi daripada perolehan data sekunder melalui bahan bacaan berkaitan perundangan, Laporan Tahunan , Laporan Rancangan Tempatan dan seterusnya dapat merangka persoalan kajian bagi mencapai matlamat dan objektif kajian .

1.5.2 Peringkat Kedua – Kaedah Kajian

Kajian ini dikategorikan sebagai kaedah kajian kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data dalam bentuk kuantiti dan data kuantitatif biasanya adalah berkaitan dengan pendekatan secara ujian saintifik sosial untuk diukur (*Mahmud, 2008*).

Naoum (2001) berpendapat bahawa kajian kuantitatif melibatkan persoalan yang melibatkan permasalahan sosial atau manusia, berdasarkan ujian terhadap hipotesis, diukur dengan kuantiti dan analisa secara statistik untuk menentukan sama ada hipotesis (andaian) atau teori yang dikaji adalah benar atau pun tidak. Kajian kuantitatif ini melibatkan pengumpulan data dan kajian lapangan yang dilakukan melalui dua mekanisma, iaitu :

a. Data Primer

Pengumpulan data primer ini akan diperolehi daripada pihak berkuasa yang terlibat dalam memproses permohonan kelulusan melombong. Data daripada agensi yang terlibat seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Pejabat Tanah Galian (PTG), Jabatan Alam Sekitar (JAS) , Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) diperlukan untuk mengkaji berkaitan prosedur dan amalan


semasa berkaitan pemberian kelulusan melombong. Perolehan data ini akan dijalankan melalui kaedah soal selidik dan ianya bertujuan untuk mencapai objektif pertama kajian iaitu mengkaji kriteria dan perancangan semasa yang digunakan oleh agensi teknikal.

Selain menggunakan kaedah soal selidik, kaedah temubual yang melibatkan JPBD akan dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas mengenai amalan perancangan di peringkat negeri berkaitan pemberian kelulusan melombong dan cadangan oleh pihak JPBD berkaitan dengan keperluan pelaksanaan KM Perlombongan ini.

b. Data Sekunder

Data sekunder adalah bahan-bahan yang boleh diperolehi dari laman web, buku, kertas seminar, majalah, risalah dan buletin. Data-data yang diperolehi ini akan digunakan dalam membantu membuat analisis bagi memantapkan lagi data dan maklumat yang dihasilkan.

Setelah kesemua data-data tersebut diperolehi, analisis terhadap data-data tersebut akan dibuat untuk melihat perkaitan isu yang dikaji dan seterusnya memastikan setiap objektif yang dirangka dapat dicapai.



Rajah 1.2 : Carta Alir Metodologi Kajian

1.5.3 Peringkat Ketiga – Penemuan kajian , Cadangan dan Kesimpulan

Pada peringkat ini merupakan peringkat terakhir di dalam kajian di mana penemuan kajian akan dapat dikenalpasti berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dibuat. Cadangan-cadangan yang dihasilkan juga adalah berdasarkan kepada matlamat kajian dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini yang berbentuk kajian penerokaan, cadangan berbentuk garis panduan atau kaedah pelaksanaan KM Perlombongan yang sesuai akan dicadangkan supaya ianya dapat disesuaikan dengan keperluan perancangan semasa dan selaras dengan peruntukan Akta 172.

1.6 Sumbangan dan Kepentingan Kajian

Dengan adanya proses pemberian KM terhadap aktiviti perlombongan ini, aktiviti tersebut akan dapat dikawal dengan mengambil kira pandangan dan ulasan agensi teknikal yang berkaitan. Sebagai contoh, berdasarkan kepada amalan semasa, kelulusan EIA hanya akan diperolehi setelah Pihak Berkuasa Negeri membuat keputusan berkenaan skim pengendalian melombong. Dengan adanya KM perlombongan ini, keperluan untuk mematuhi syarat EIA akan dikenalpasti di peringkat pemberian KM kerana pihak JAS merupakan salah satu daripada agensi teknikal yang dirujuk.

Selain itu, beberapa aspek dari segi kawalan perancangan juga akan dapat diambil kira oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai contoh, dengan mengambil kira pembangunan di kawasan persekitaran kawasan tapak cadangan perlombongan, beberapa syarat utama seperti penyediaan zon penampungan yang mencukupi perlu dilaksanakan. Aspek yang paling utama ialah pematuhan terhadap zon gunatanah yang telah ditetapkan di dalam mana-mana Pelan Rancangan Tempatan. Kawalan terhadap jalan keluar masuk ke tapak cadangan juga akan diambil kira supaya tidak menimbulkan konflik di jalan-jalan utama. Sekiranya cadangan jalan ke tapak

perlombongan tersebut melalui beberapa lot pihak yang lain, di peringkat KM ini akan memastikan supaya mendapat persetujuan daripada pemilik tanah berjiran.

Dalam usaha untuk menambahkan hasil pendapatan kerajaan Negeri juga, pelaksanaan KM Perlombongan ini juga dilihat mampu menjana pendapatan tambahan kepada pihak PTG ataupun PBT melalui kadar bayaran fee dan juga cukai yang berkaitan.

1.7 Susunatur Bab

Bab satu merupakan bab pengenalan yang menerangkan tentang isu dan masalah, persoalan kajian, matlamat dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan hasil kajian dan pendekatan yang digunakan dalam kajian. Apabila kesemua perkara ini dirangka ianya dapat membantu memandu pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih teratur dan komprehensif.

Bab dua iaitu lebih kepada kajian teoritikal dan literatur. Bab ini akan menerangkan takrifan berkaitan sumber mineral yang terdapat di negara ini. Selain itu, perundangan dan akta yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan akan dikaji untuk melihat sejauhmana pelaksanaan aktiviti semasa selaras dengan keperluan perundangan yang telah ditetapkan. Amalan semasa proses perlombongan yang diamalkan oleh jabatan-jabatan teknikal seperti JMG, PTG, PDT dan juga PBT akan dikaji untuk melihat sejauhmana amalan semasa ini dapat memastikan aktiviti perlombongan yang mampan. Kajian perbandingan dengan negara luar yang telah melaksanakan amalan pemberian kebenaran merancang bagi aktiviti perlombongan ini juga akan dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam bab ini.

Bab tiga menjelaskan tentang latar belakang kawasan kajian yang akan ditumpukan kepada Daerah Kinta sahaja. Dalam bab ini juga akan memperincikan amalan pelaksanaan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu MBI dan MDBG

dalam pemberian Kebenaran Merancang. Beberapa kajian kes juga akan diperincikan untuk melihat sejauhmana kawasan perlombongan yang beroperasi tanpa KM akan memberi kesan terhadap kawasan persekitaran.

Bab empat ini akan menyentuh kepada pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi dari edaran borang soal selidik dan temuduga. Responden utama adalah terdiri dari Jabatan Teknikal selaku agensi pelaksana seperti JMG, PTG, PDT, JAS, PBT dan juga JPBD. Setiap data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah penilaian skala likert bagi menentukan kriteria utama berdasarkan maklum balas responden.

Bab lima ini akan membincangkan penemuan dan cadangan kajian dalam pelaksanaan amalan kebenaran merancang bagi aktiviti perlombongan khususnya di negeri Perak. Kajian lanjutan berserta cadangan untuk mengatasi permasalahan yang berlaku di dalam kajian ini juga akan dinyatakan.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Syah bin Khalib (2003), 'Penguatkuasaan Notis Permintaan Di Bawah Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan Di Dalam Sistem Kawalan Perancangan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) Kawasan Kajian: Majlis Bandaraya Ipoh', Tesis Sarjana Muda, UiTM Shah Alam.

Ainul Jaria Binti Maidin (2012), 'Malaysian Town and Country Planning Law And Procedure', CLJ Publication.

Alder, J (1979), 'Development Control', London Sweet and Maxwell

Arkib (2 Disember 2009). Segera Keluarkan Lesen Melombong. Utusan Malaysia

http://www.nre.gov.my/Malay/MineralGeosains/Pages/Teras_MineralGeosains.aspx

<http://www.planningportal.gov.uk/>

<http://www.statistics.gov.my/portal/index.php>

<http://www.themalaysiantimes.com.my/isu-perlombongan>

http://webmineral.com/Mineral_Definition.shtml

Institut Ukur Tanah Negara (INSTUN) 2007, Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral Negeri-Negeri : Kaitan Dengan Kanun Tanah Negara (tidak diterbitkan)

International Book of Law (Undang-Undang Malaysia) ' Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)'

International Book of Law (Undang-Undang Malaysia) (1976) ' Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)'

- Ir. Haji Abdullah Zawawi bin Amir / Mohd Za'im bin Abdul Wahab (2003), ' Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral Negeri-negeri Ke Arah Meningkatkan Sumber Kewangan Negeri', Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah / Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia 15-16 Disember 2003, INSTUN Tanjong Malim.
- Ismaniza Ahmad (30 Mac 2013). Permohonan Projek Meningkatkan. Sinar Harian
- Jabatan Kerajaan Tempatan (2008), 'Prosedur Kualiti Proses Kelulusan Permohonan Cadangan Pemajuan Pusat Setempat (OSC)'
- Jabatan Mineral dan Geosains (2012) , 'Laporan Industri Perlombongan Malaysia 2011'
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak (2008) 'Rancangan Struktur Negeri Perak, 2020'
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak Darul Ridzuan (2012), 'Ke Arah Perlombongan Perak Mampan' (tidak diterbitkan)
- Kittiya Yongvanich¹ / James Guthrie² (2005) , ' Extended Performance Reporting : An Examination of the Australian Mining Industry', Macquarie Graduate School of Management , Macquarie University, NSW¹ , University of Sydney, Australia²
- Mahmud, Z. (2008). Handbook of Research Methodology : A Simplified Version University Publication Centre. UiTM
- Majlis Bandaraya Ipoh (2009), 'Draf Rancangan Tempatan Ipoh 2020'
- Majlis Daerah Batu Gajah (2008) 'Rancangan Tempatan Daerah Kinta 2015 '
- Naoum, SG (1998). Mediation : Essential Legal Skills. Cavendish Publishing Limited.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2009), 'Dasar Mineral Negara 2, Ke Arah Perlombongan Mapan'.
- Razif Rosli (1 November 2012). Lubuk Emas Ditemui Di Perak. Sinar Harian

Western Australian Planning Commission (2000), 'Statement of Planning Policy No.24, 'Basic Raw Material'

Western Australian Planning Commission (2009), 'Basic Raw Materials Applicant's Manual, A Step-by-step Guide For Establishing Extractive Industries In Western Australia'